

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN *CASHLESS BIZ DUITNOW QR*

1. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen ini bermula dari **1 OKTOBER 2023** sehingga **31 JANUARI 2024**.

2. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenal pasti sebagai pemenang.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada **pelanggan baru dan pelanggan sedia ada (Peniaga) Agrobank di seluruh Malaysia**.
b) Kempen ini adalah khusus bagi Peniaga-peniaga yang berniaga segala jenis **makanan, minuman, barangan dan perkhidmatan yang halal dari sudut Islam**.
c) Kakitangan Bank tidak dibenarkan untuk menyertai Kempen ini. Walaubagaimanapun, ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Bank dibenarkan menyertai Kempen ini.
d) Pelanggan perlu membuka akaun AgroPerdana-*i* PLUS (akaun perniagaan) dan mendaftar:
I. Perbankan Internet Perniagaan (AGRONetBIZ);
II. QR Peniaga Agrobank (Agrobank QR Merchant)
e) Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat bagi produk yang terlibat dengan Kempen ini. Maklumat lanjut mengenai produk AgroPerdana-*i* PLUS adalah seperti berikut:

Produk	Maklumat Produk
AgroPerdana- <i>i</i> PLUS	https://www.agrobank.com.my/my/product/agroperdana-i-plus/

4. MEKANISMA KEMPEN

- a) **Pelanggan (Peniaga) perlu menggunakan QR Peniaga Agrobank (Agrobank QR Merchant)** yang dihasilkan daripada akaun perniagaan AgroPerdana-*i* PLUS bagi **menerima pembayaran tanpa tunai dalam Tempoh Kempen**.

- b) Pelanggan perlu ke cawangan Agrobank yang terdekat bagi penghasilan QR Peniaga Agrobank dari pembukaan akaun AgroPerdana-i PLUS sama ada akaun sedia ada atau pembukaan akaun baharu.
- c) Pelanggan (Peniaga) yang **menerima bayaran melalui DuitNow QR Peniaga Agrobank akan mendapat mata penyertaan**. Setiap **pembelian melalui DuitNow QR Peniaga Agrobank dikira sebagai satu (1) mata penyertaan** yang melayakkan peniaga bagi cabutan bertuah.
- d) Lebih banyak bilangan (kiraan) transaksi yang diterima, lebih tinggi peluang untuk memenangi hadiah utama Kempen.
- e) **Hadiah berupa tunai** melalui cabutan bertuah akan dilaksanakan mengikut jumlah transaksi yang telah **dikategorikan kepada empat (4) peringkat** seperti berikut:

Pemenang	Jumlah Transaksi	Hadiah (RM) Bagi Setiap Pemenang	Bilangan Pemenang	Jumlah Hadiah (RM)
Pertama	500 dan keatas	3,000	3	9,000
Kedua	300 sehingga 499	2,000	3	6,000
Ketiga	100 sehingga 299	1,000	3	3,000
Sagu hati	50 sehingga 99	500	24	12,000
Jumlah Keseluruhan			33	30,000

4. PEMILIHAN PEMENANG

- a) Peniaga hendaklah **memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini**.
- b) Pemilihan **pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan**. Tarikh dan lokasi akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- c) Kaedah cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ianya akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh pihak Bank. Keputusan yang diberikan adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada pelanggan tidak akan dilayan.
- d) Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi bank di www.agrobank.com.my. Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang diberikan kepada pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah yang dimenangi kepada Pemenang Simpanan.
- e) Hadiah yang dimenangi oleh pemenang tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada makluman awal yang diberikan kepada pelanggan melalui saluran komunikasi bank seperti laman web.

- f) Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman rasmi Bank di www.agrobank.com.my.

5) PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:
- i. Pusat Panggilan Bank 1-300-88-2476;
 - ii. Layari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my;
 - iii. Kunjungi Cawangan Bank berdekatan.
- c) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri produk dan servis yang dilanggan oleh pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj di cawangan Bank berdekatan.
- d) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- e) Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.
- f) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh pelanggan bagi menyertai Kempen ini.
- g) Jika terdapat sebarang keraguan dan masalah yang melibatkan Kempen ini dan juga sebarang bahan pemasaran yang digunakan dalam Kempen ini rujukan utama akan dilakukan kepada Terma Dan Syarat Kempen ini dalam versi Bahasa Melayu.

TERMS AND CONDITIONS

CASHLESS BIZ DUITNOW QR CAMPAIGN

1. CAMPAIGN PERIOD

- a) This Campaign will run from **1st OCTOBER 2023 until 31st JANUARY 2024**.

2. SHARIAH CONCEPT

- a) The Shariah concept adopted for this Campaign is the principle of Hibah Mu'allaqah (Conditional Gift).
b) Based on the Hibah Mu'allaqah principle, the Bank will reward gifts to customer who successfully fulfill all the Terms and Conditions set by the Bank and are identified as winners.

3. ELIGIBILITY CRITERIA

- a) This Campaign is open to **new and existing customer (Merchant) of Agrobank throughout Malaysia**.
b) The Campaign is specifically for merchants who sells all types of **halal food, beverages, and goods from an Islamic perspective**.
c) Bank employees are not allowed to participate in this Campaign. However, family members and relatives of Bank employees are allowed to participate.
d) Customer is required to open an AgroPerdana-*i* PLUS (Non-Individual account) and register for:
I. Business Internet Banking (AGRONetBIZ);
II. Agrobank QR Merchant
e) Eligibility in terms of age and other matters is subject to the Terms and Conditions for the products involved in this Campaign. Further information about AgroPerdana-*i* PLUS product is as follows:

Product	Product Detail
AgroPerdana- <i>i</i> PLUS	https://www.agrobank.com.my/my/product/agroperdana-i-plus/

4. CAMPAIGN MECHANISM

- a) **Customer (Merchant) is required to use the Agrobank QR Merchant generated from the AgroPerdana-*i* PLUS Non-Individual account to receive cashless payments during the Campaign Period.**

- b) Customer is required to visit the nearest Agrobank branch to generate the Agrobank QR Merchant from the opening of the AgroPerdana-i PLUS account, whether it's an existing account or new account.
- c) Customer (Merchant) who **receive payments through the Agrobank DuitNow QR Merchant will earn entry points**. Each **purchase (transaction) through Agrobank DuitNow QR Merchant is counted as one (1) participation** point that qualifies merchants for a Lucky Draw.
- d) The more transactions received, the higher the chances of winning the main prizes of the Campaign.
- e) **Prizes in the form of cash** through lucky draws will be conducted based on the number of transactions **categorized into four (4) levels** as follows:

Winner	Total Transactions	Prize (RM) For Each Winner	Number of Winners	Total Prizes (RM)
First Prize	500 and above	3,000	3	9,000
Second Prize	300 to 499	2,000	3	6,000
Third Prize	100 to 299	1,000	3	3,000
Consolation Prize	50 to 99	500	24	12,000
Grand Total			33	30,000

4. WINNER SELECTION

- a) Merchants must **meet the criteria set by the Bank to qualify for participation in this Campaign**.
- b) The selection of **winners will be carried out through a lucky draw**. The date and location will be announced by the Bank from time to time.
- c) Electronic drawing methods will be used for the selection process, monitored by the Selection Committee appointed by the Bank. The decisions made are final and conclusive. Any appeals, objections, or inquiries from customer will not be entertained.
- d) The names of the winners will be published on the official Bank's website at www.agrobank.com.my . Winners will be contacted using the latest information provided to the Bank through telephone calls, with a minimum of three (3) call attempts. If the winner unable to be reached even after the calls have been made, the Bank reserves the right to offer the won prize to by the Bank using the provided current contact information. If the winner cannot be contacted due to incorrect information provided, the prize will be given to a Reserve Winner.
- e) The prize won by the winners is not transferable and the prize specifications as determined by the Bank shall not be exchanged. The prizes offered are notified to the Customer and the Bank reserves the right to change or substitute the prize to the product, model, brand, or other specification of the same value without any notice before the change becomes effective subject to the prior notification provided to the customer via Banks' communication channels i.e., website.

- f) By participating in this Campaign, customer agree to allow the Bank to use, display, or publish the name, image, and/or other information related to the winner for publicity and advertising purposes. Customer should contact the Bank if they wish to withdraw any consent previously given. Customer are advised to refer to the Personal Data Protection Act 2010 Notice on the official bank website at www.agrobank.com.my .

5) GENERAL PROVISIONS

- a) By participating in this Campaign, customer agree to be bound by the Terms and Conditions stated herein, as well as any decisions made by the Bank concerning this Campaign.
- b) Customer are advised to obtain further information through the following mediums:
- i. Bank Call Center 1-300-88-2476;
 - ii. Visit the official Bank website at www.agrobank.com.my;
 - iii. Visit the nearest Bank branch.
- c) Any fees and charges associated with this Campaign shall depend on the features of the products and services subscribed to by the customer. Customer is advised to obtain further information about fees and charges at the nearest Bank branch.
- d) All the Terms and Conditions contained in these Terms and Conditions, as well as any decisions made by the Bank regarding this Campaign, are final and conclusive. The Bank will not entertain any appeals or disputes involving decisions made by the Bank.
- e) The Bank reserves the right to cancel, suspend, or modify any Terms and Conditions for this Campaign with notice of at least 21 days before any cancellation, suspension, and intended changes take effect. Notice will be communicated to customer through methods and channels identified by the Bank, including but not limited to mails, notices at Bank branches, through electronic transactions, or on the official Bank website at www.agrobank.com.my.
- f) For any cancellation, suspension, or changes made by the Bank, customer are not entitled to make any claims against the Bank or receive any compensation from the Bank for any direct or indirect loss or damage incurred by customer for participating in this Campaign.
- g) In case any doubts and issues involving this Campaign and any marketing materials used in this Campaign, the primary reference will be made to the Terms and Conditions of this Campaign in the Malay language version.